

Bahagian A
[30 markah]

[Masa yang dicadangkan: 45 minit]

Gambar di bawah menunjukkan sebahagian daripada langkah-langkah mengelakkan keracunan makanan di sekolah.

Huraikan pendapat anda tentang **langkah-langkah mengelakkan keracunan makanan di sekolah**. Panjangnya huraian anda hendaklah **antara 200 hingga 250 patah perkataan**.

LANGKAH-LANGKAH MENGELAKKAN KERACUNAN MAKANAN



Memastikan makanan bersih dan berkualiti



Melaksanakan pemantauan yang berterusan



Mengenaikan tindakan undang-undang terhadap pengusaha kantin yang tidak bertanggungjawab

Bahagian B
[100 markah]

[Masa dicadangkan : 1 jam 30 minit]

Pilih satu daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya lebih daripada 350 patah perkataan.

1. Menjadi pelajar cemerlang impian bagi setiap pelajar di Malaysia.

Berikan pendapat anda tentang cara-cara untuk menjadi pelajar cemerlang dalam pelbagai aspek.

2. Budaya menabung dalam kalangan anak-anak perlulah bermula dari rumah.

Tuliskan sebuah syarahan yang bertajuk “Peranan Ahli Keluarga Memupuk Amalan Menabung dalam kalangan Anak-anak”.

3. Malaysia terkenal dengan keunikan dan keistimewaan yang mampu menarik kedatangan pelancong tempatan dan pelancong asing.

Huraikan keistimewaan Malaysia sebagai destinasi pelancongan.

4. Kegiatan jenayah yang membabitkan pemerdagangan manusia kini menjadi isu sejagat.

Bincangkan kerjasama antara Malaysia dengan negara jiran untuk menangani masalah tersebut.

5. Kini, remaja didapati lebih gemar membaca bahan bacaan picisan berbanding karya sastera.

Berikan pendapat anda tentang sebab-sebab berlakunya keadaan ini.

KERTAS SOALAN TAMAT

Soalan 1 : Rumusan
[30 markah]

*Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang **punca-punca kemerosotan nilai kejiiran** dan **cara-cara mengatasi kemerosotan nilai kejiiran**. Panjangnya rumusan hendaklah tidak melebihi 120 perkataan.*

Jiran ialah orang yang tinggal berhampiran dengan rumah kita sama ada di kanan, di kiri, di depan atau di belakang, di tingkat atas atau di tingkat bawah hingga 40 buah rumah dari setiap penjurong sesebuah kawasan kediaman termasuklah di taman perumahan, kampung, dan pangsapuri. Orang tua-tua pernah berkata, jiran tetangga yang baik umpama adik-beradik yang dapat bekerjasama dalam kalangan masyarakat serta membentuk ukhuwah yang kukuh dan ampuh. Jiran yang baik juga dapat membentuk semangat kekitaan bagi melahirkan semangat bersatu padu serta membolehkan semua anggota masyarakat memahami antara satu sama lain sehingga tercetusnya slogan “Jiran Sepakat Membawa Sepakat”. Keadaan ini bukanlah sesuatu yang asing kerana jiran ialah orang yang paling hampir dengan kita dan menjadi orang yang pertama datang untuk menghulurkan bantuan sebelum ketibaan adik-beradik dan saudara-mara kerana jarang-jarang kedapatan adik-beradik duduk berjiran terutamanya di bandar.

Namun begitu, kini *keakraban terhakis* dek perubahan dalam kehidupan masyarakat akibat tuntutan hidup yang semakin mencabar dari semasa ke semasa. Kesibukan bekerja memaksa masyarakat keluar pada awal-awal pagi dan balik pada lewat malam menyebabkan mereka tidak mempunyai masa untuk diluangkan bersama-sama jiran. Hujung minggu pula dipenuhi dengan aktiviti bersama-sama keluarga atau masa untuk berehat dan bersantai di rumah selepas seminggu memerah keringat dan minda untuk menyelesaikan pekerjaan. Jurang status sosioekonomi masyarakat juga menjadi penghalang untuk mengeratkan semangat kejiiran apabila ada dalam kalangan mereka yang terlalu bersifat merendah diri dan berasa tidak selesa untuk bergaul dengan jiran yang berpangkat besar. Sebaliknya, memang ada golongan berstatus yang tidak mahu bergaul dengan golongan yang berpangkat rendah kerana menganggapnya tidak layak bergaul dengan mereka disebabkan latar belakang sosioekonomi yang berbeza.

Kemerosotan nilai kejiiran juga berlaku kerana sikap mengutamakan perkauman. Sikap saling tidak mengenali antara jiran yang berlainan kaum dan agama selalu wujud malah sesama bangsa dan agama juga berlaku sikap tidak mempedulikan antara satu sama lain kerana masing-masing sibuk dengan hal sendiri. Keadaan akan menjadi semakin teruk apabila ditambah dengan sikap dengki atau benci-membenci dalam kalangan penduduk setempat. Selain faktor yang wujud dalam kalangan masyarakat, perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi menjadikan masyarakat semakin kurang berkomunikasi secara langsung. Dengan pelbagai gajet dan aplikasi yang terkini, masyarakat lebih taasub untuk berkomunikasi secara dalam talian. Tambahan pula, struktur reka bentuk perumahan moden yang berhalangan dengan pagar, tembok, dan pengawal keselamatan menambahkan sikap individualistik yang sememangnya sudah tersemai dalam diri.

(Dipetik dan diubahsuai daripada rencana
Kemerosotan Nilai Kejiiran
oleh Samat Buang,
Dewan Siswa, Mac 2017)

Soalan 2 (a) – Petikan Umum

Berdasarkan petikan **Soalan 1**, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata *keakraban terhakis*. [2 markah]
- (ii) Pengarang menyatakan beberapa kepentingan mengamalkan semangat kejiranan dalam menjalani kehidupan bermasyarakat.

Apakah kepentingan-kepentingan tersebut?

[3 markah]

- (iii) Jiran sepakat membawa berkat, jiran keparat membawa mudarat.

Pada pendapat anda, apakah kesan-kesan sikap tidak menghormati jiran?

[4 markah]

Soalan 2(b) – Petikan Cerpen

Baca petikan cerpen di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakannya ayat anda sendiri.

Dalam diam-diam, sebenarnya kami juga ingin tahu, apatah lagi setelah menyedari kehadiran anak gadis Tuan Booth di surau, setiap kali Ahmad Mutawakkil balik ke kampung untuk berceramah.

Perlahan-lahan – barangkali dilemahkan oleh rasa malu kepada diri sendiri kerana sibuk menjaga tepi kain orang lain – di mata kami, misteri cinta itu akhirnya lenyap tak berjejak.

Ahmad Mutawakkil, sudah jarang-jarang benar balik ke kampung. Perjuangan parti meruntun waktunya dihabiskan di bandar. Tahun 1952, dalam usia 24 tahun, dia dipilih menduduki kerusi pemimpin nombor dua parti di peringkat daerah.

Tidak cukup dengan tanggungjawabnya ke sana sini untuk berceramah, Ahmad Mutawakkil turut menulis dalam surat khabar. Dia juga terkenal sebagai wartawan. Tulisannya banyak merangsang orang Melayu untuk bersiap sedia mengisi kemerdekaan.

“Jangan nanti selepas merdeka, kita jadi macam kera mendapat bunga.” Untuk merdeka, katanya, perjuangan bukan setakat mendesak Inggeris berundur.

“Malah, demi mengisi kemerdekaan, kita juga perlu mendesak diri sendiri, mengikis semua tabiat buruk bangsa kita. Kita pasti akan merdeka, dan untuk itu, kita perlu berjuang mengubah sikap dan pandangan sempit masyarakat kita”

(Dipetik daripada cerpen “*Cinta Ahmad Mutawakkil*,”
oleh Zainal Rashid Ahmad
dalam antologi *Sejadah Rindu*,
Kementerian Pendidikan Malaysia)

- (i) Berdasarkan petikan cerpen, nyatakan bukti-bukti yang menunjukkan bahawa Ahmad Mutawakkil seorang yang sibuk. [2 markah]
- (ii) Seseorang yang bercita-cita untuk menjadi seorang pemimpin perlu mempunyai ciri-ciri yang tertentu agar kewibawaannya tidak dipertikaikan oleh masyarakat. Pada pendapat anda, bagaimanakah seseorang itu dapat menonjolkan kewibawaannya sebagai pemimpin masyarakat? [3 markah]
- (iii) Huraikan **satu** persoalan yang terdapat dalam petikan dan **satu** persoalan lain daripada keseluruhan cerpen yang tidak terdapat dalam petikan. [4 markah]

Soalan 2(c) – Petikan Prosa Tradisional

Baca petikan prosa tradisional di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri

Maka kata orang itu, “Manira ini disuruhkan oleh Patih Gajah Mada melihat pakanira, sudahkah datang dari Daha atau belumlah, kerana Patih Gajah Mada hendak bertemu dengan manira.” Maka Kertala Sari segera mengambil kerisnya lalu berjalan diiringkan oleh orang itu.

Setelah datang kepada Patih Gajah Mada, Kertala Sari pun duduk menyembah. Maka kata Patih Gajah Mada, “Hai anakku Kertala Sari, sebab aku menyuruh memanggil anakku ini, kerana pesan bapamu kepada aku, “Jangan tiada dikasihi anakku ini, kerana bapamu sudahlah mati dengan pekerjaan Seri Betara. Akan sekarang anakku hendak dijadikan penggawa agung.”

Setelah Kertala Sari mendengar kata Patih Gajah Mada itu, maka Kertala Sari pun *terlalu sukacita hatinya*, seraya menyembah kaki Patih Gajah Mada.

Maka sembah Kertala Sari, “Endah apatah pekerjaan membunuh Ratu Melaka dan Laksamana itu? Pada hati manira, jika negerinya pun dapat manira alahkan dengan seorang kula juga, syahadan segala anak bininya orang Melaka itu pun dapat manira ambil. Adapun jika belum manira bunuh Ratu Melaka dan Laksamana itu belum mati, tiada mahu manira jadi penggawa.”

Setelah Patih Gajah Mada mendengar demikian itu maka ia pun terlalu sukacita, seraya diperjamunya makan minum dan bersuka-sukaan dan diberinya persalin

Setelah sudah maka Kertala Sari pun dibawanya masuk menghadap Seri Betara. Maka sembah Patih Gajah Mada, “Adapun penjurit tujuh orang yang dititahkan oleh paduka Betara pergi ke Melaka itu khabarnya sudah mati dibunuh oleh Laksamana ketujuhnyanya.

(Dipetik daripada ‘Kepimpinan Melalui Teladan’ dalam antologi
Jaket Kulit Kijang dari Istanbul, Dewan Bahasa dan Pustaka)

- i) Berikan maksud *terlalu sukacita hatinya*. [2 markah]
- ii) Patih Gajah Mada telah memberitahu beberapa perkara kepada Kertala Sari. Nyatakan perkara-perkara tersebut. [3 markah]
- iii) Patih Gajah Mada telah menyampaikan pesanan ayah Kertala Sari kepada Kertala Sari. Pada pendapat anda, mengapakah Patih Gajah Mada ingin menyempurnakan pesanan tersebut. [3 markah]

Soalan 2(d) – Syair

Baca syair di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri

Syair Bidasari

Dengarkan tuan suatu riwayat,
Raja di desa Negeri Kembayat,
Dikarang fakir dijadikan hikayat,
Supaya menjadi tamsil ibarat.

Ada raja suatu negeri,
Sultan *halifah akas* bestari,
Asalnya baginda raja yang bahari,
Melimpah *ngadil* dagang senteri.

Hairan orang empunya temasya,
Baginda itulah raja perkasa,
Sangat tiada merasai susah,
Entah pada esok dan lusa.

Seri sultan raja bestari,
Setelah ia sudah beristeri,
Beberapa bulan beberapa hari,
Hamillah puteri permaisuri.

Beberapa lamanya dalam kerajaan,
Baginda duduk bersuka-sukaan,
Datanglah beroleh kedukaan,
Baginda meninggalkan takhta kerajaan.

Datanglah kepada suatu masa,
Melayanglah unggas dari angkasa,
Unggas *gurda* sangat perkasa,
Menjadi negeri rosak binasa.

Datanglah menyambar suaranya bahana,
Gemparlah sekalian mulia dan hina,
Seisi negeri gundah-gulana,
Membawa diri ke mana-mana.

Baginda pun sedang dihadap orang,
Mendengar gempar seperti perang,
Bertitah baginda raja yang garang,
“Gempar ini apakah kurang.”

Jamilah Hj. Ahmad (Penyelenggara)

dalam antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*,
Dewan Bahasa dan Pustaka

- i) Berdasarkan syair tersebut, apakah yang berlaku apabila burung garuda datang menyerang Negeri Kembayat? [2 markah]
- ii) Raja Negeri Kembayat digambarkan sebagai seorang raja yang adil. Pada pendapat anda, apakah tindakan-tindakan yang patut dilakukan oleh rakyat sebagai tanda menyayangi seorang raja? [3 markah]
- iii) Jelaskan **dua** nilai yang terdapat dalam syair di atas. [4 markah]

Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

[30 markah]

Jawab semua soalan.

(a) *Tulis satu ayat bagi setiap perkataan di bawah untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

- (i) dilema
- (ii) delima
- (iii) bendang
- (iv) gendang
- (v) sarat
- (vi) surat

[6 markah]

(b) *Tukarkan ayat aktif di bawah ini kepada ayat pasif tanpa mengubah maksud asalnya.*

- (i) Malaysia mempamerkan aksi yang membanggakan apabila berjaya mengutip 17 emas dalam kejohanan sukan itu.
- (ii) Kita tidak dapat menafikan hakikat bahawa cuaca memainkan peranan penting dalam hidup.
- (iii) Pihak berkuasa hendaklah menjalankan kempen keselamatan di jalan raya untuk memastikan jumlah kemalangan berkurangan.

[6 markah]

(c) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat **tiga kesalahan ejaan** dan **tiga kesalahan penggunaan imbuhan**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada tiga kesalahan ejaan dan **tiga** kesalahan penggunaan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

Dalam usaha hendak melahirkan atlit setaraf dunia serta jenerasi yang berdaya saing, Kementerian Pendidikan Malaysia akan mewajibkan setiap pelajar sekolah menyertai satu bidang sukan sebagai landasan untuk menyungkil bakat sukan pada peringkat akar umbi yang berlaku secara kolektif, bersepadu dan konsistan.

[6 markah]

(d) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat **satu kesalahan penggunaan kata atau istilah** dan **satu kesalahan tatabahasa**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada **satu** kesalahan penggunaan kata dan istilah dan **satu** kesalahan tatabahasa. Anda **tidak** perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Ayah memberitahu saya dan emak bahawa kami akan pulang di kampung pada hujung minggu itu untuk melihat nenek.
- (ii) Setiap pekerjaan haruslah dilakukan mengikut produser supaya hasil yang diperoleh memuaskan hati kepada semua pihak.
- (iii) Kereta sampel terbaharu keluaran syarikat pengeluar kereta nasional itu mendapat sambutan yang menggalakkan dari ramai orang.

[6 markah]

(e) *Nyatakan peribahasa yang sama maksud dengan peribahasa yang dikemukakan.*

- (i) menepuk air di dulang, terpercik ke muka sendiri
- (ii) air dicencang tiada akan putus
- (iii) Bagaimana acuan begitulah kuihnya

[6 markah]

Soalan 4: Novel

[15 markah]

Jawab soalan-soalan di bawah ini berdasarkan novel-novel yang berikut:

(i)	Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip Talib
(ii)	Jendela Menghadap Jalan karya Ruhani Matdarin
(iii)	Pantai Kasih karya Azmah Nordin
(iv)	Di Sebalik Dinara karya Dayang Noor
(v)	Tirani karya Beb Sabariah
(vi)	Songket Berbenang Emas karya Khairudin Ayip
(vii)	Bimasakti Menari karya Rahayu Mohd Yusop

- (a) Watak sampingan ialah watak pembantu yang membantu watak utama membangunkan sesebuah cerita.

Huraikan **dua** perwatakan bagi satu watak sampingan dalam **sebuah** novel yang anda pelajari.

[7 Markah]

- (b) Berdasarkan **dua buah novel** yang anda pelajari, jelaskan latar masyarakat yang terdapat dalam setiap novel tersebut.

[8 Markah]

SKEMA JAWAPAN
PERCUBAAN SPM 2017 KERTAS 1
CADANGAN ISI BAHAGIAN A

Bahagian A

Huraikan pendapat anda tentang **langkah-langkah mengelakkan keracunan makanan di sekolah**. Panjangnya huraian anda hendaklah **antara 200 hingga 250 patah perkataan**.

Kehendak Tugasan:

1. Calon mesti menjawab tentang langkah-langkah mengelakkan keracunan makanan di sekolah.
2. Calon mesti menggunakan sekurang-kurangnya 1 isi yang disediakan dalam soalan untuk layak mendapat markah maksimum CEMERLANG.
3. Sekiranya calon yang menggunakan semua isi/ idea sendiri, calon layak diberi markah maksimum MEMUASKAN.
4. Sekiranya calon yang menjawab secara umum sahaja, layak diberi markah maksimum KURANG MEMUASKAN.

Bahagian B

Soalan 1

Menjadi pelajar cemerlang impian bagi setiap pelajar di Malaysia.

Berikan pendapat anda tentang cara-cara untuk menjadi pelajar cemerlang dalam pelbagai aspek.

Kehendak Tugasan:

1. Murid mesti menjawab tentang cara-cara yang boleh dilakukan untuk menjadi pelajar cemerlang.
2. Pendapat mesti merujuk kepada cara yang dilakukan oleh pelajar dan menggunakan kata ganti diri saya.
3. Calon hendaklah merujuk kepada 3 bidang utama iaitu kurikulum(akademik), kokurikulum, dan sahsiah.
4. Sekiranya calon menggunakan kata ganti diri pelajar hanya layak diberi markah peringkat maksimum BAIK
5. Sekiranya calon memberikan jawapan seperti kepentingan atau kesan hanya layak diberi markah maksimum KURANG MEMUASKAN.
6. Sekiranya calon memberi jawapan secara umum layak diberi markah maksimum MEMUASKAN.

Cadangan isi-isi:

- Taat pada ajaran agama
- Menghormati ibu bapa dan guru
- Berdisiplin
- Cinta akan ilmu pengetahuan

- Bijak dalam pengurusan masa
- Bijak memilih sahabat/ rakan
- Kesungguhan melakukan sesuatu perkara
- Gaya hidup sihat

Soalan 2

Budaya menabung dalam kalangan anak-anak perlulah bermula dari rumah.

Tuliskan sebuah syarahan yang bertajuk “Peranan Ahli Keluarga Memupuk Amalan Menabung dalam kalangan Anak-anak”.

FORMAT: SYARAHAN

Kehendak Tugasan:

1. Calon mesti menulis syarahan tentang peranan ahli keluarga dalam memupuk amalan menabung dalam kalangan anak-anak.
2. Ahli keluarga merujuk kepada peranan ibu bapa, abang, kakak, dan adik sahaja.
3. Sekiranya calon merujuk kepada peranan ibu bapa sahaja, murid layak diberi markah maksimum **KEPUJIAN**.
4. Sekiranya calon merujuk peranan ahli keluarga secara umum (menulis perkataan ahli keluarga sahaja dalam karangan) murid layak diberi markah maksimum **BAIK**.

Cadangan isi-isi:

- Suri teladan kepada anak-anak
- Memberi didikan tentang kepentingan menabung
- Menghadiri ceramah dan jerayawara berkaitan amalan menabung
- Membuka akaun bank untuk anak-anak
- Mengamalkan gaya hidup sederhana dan tidak menunjuk-nunjuk
- Menjadikan amalan menabung sebagai budaya keluarga

Soalan 3

Malaysia terkenal dengan keunikan dan keistimewaan yang mampu menarik kedatangan pelancong tempatan dan pelancong asing.

Huraikan keistimewaan Malaysia sebagai destinasi pelancongan.

Kehendak Tugasan :

1. Calon hendaklah menghuraikan keistimewaan tempat-tempat pelancongan yang menarik di negara kita.
2. Sekiranya calon menulis tempat-tempat sahaja tanpa memberikan huraian tentang keistimewaannya, karangan dianggap kurang menjawab tugasan dan markah maksimum pada peringkat **KURANG MEMUASKAN**.

Cadangan isi

- Keistimewaannya berdasarkan bentuk muka bumi – tanah tinggi, pulau, tasik, dan pantai-keindahan semula jadinya yang masih belum tercemar walaupun banyak kawasan telah dibangunkan-masih mempunyai sejumlah hutan yang besar serta belum diteroka

- Mempunyai pelbagai kemudahan untuk keselesaan para pengunjung- kemudahan penginapan seperti hotel, motel, chalet, dan *homestay* atau inap desa – kemudahan pengangkutan dan infrastruktur seperti jalan raya, hospital, balai polis, dan bank.
- Keadaan cuaca yang panas dan lembap menyebabkan pelancong dari luar negara berasa selesa – dapat bersantai dan berjemur di pantai serta di bawah sinaran cahaya matahari sambil menikmati pemandangan yang indah dan suasana yang mendamaikan perasaan.
- Keramahan penduduk tempatan menjadi satu tarikan kepada pelancong dari luar negara – masyarakat yang berbilang bangsa dan agama tinggal bersama-sama dalam suasana yang harmoni – berbudi bahasa dan bersopan santun – hasil kraf tangan yang menarik untuk dijadikan buah tangan
- Kestabilan ekonomi dan politik merupakan salah satu faktor penting yang akan menyebabkan pelancong berasa selesa dan selamat sepanjang berada di negara ini – tiada pergaduhan atau rusuhan kaum atau peperangan yang memungkinkan pelbagai kemudahan kepada mereka

Soalan 4

Kegiatan jenayah yang membabitkan pemerdagangan manusia masa ini menjadi isu sejagat.

Bincangkan kerjasama antara Malaysia dengan negara jiran untuk menangani masalah tersebut.

Kehendak Tugas :

1. Calon hendaklah mengemukakan kerjasama antara Malaysia dengan negara jiran untuk menangani masalah tersebut
2. Sekiranya calon menulis peranan kerajaan Malaysia sahaja tanpa menyentuh peranan yang boleh dilakukan oleh negara jiran Malaysia, karangan dianggap kurang menjawab tugas dan markah maksimum pada peringkat KURANG MEMUASKAN

Cadangan isi

- **Isi 1 : Memperkukuh sistem politik dan keamanan dalam negara masing-masing** – kestabilan dalam negeri boleh menjadi aset untuk menghalang kemasukan warga asing dengan sewenang-wenangnya
- **Isi 2 : Membanteras gejala rasuah yang masih berleluasa dalam kalangan negara dunia ketiga** – berusaha mengurangkan indeks rasuah, terutama dalam kalangan penguat kuasa seperti polis, tentera, dan pengawal pintu masuk perairan negara (peribahasa: amalan buruk lontar batu sembunyi tangan).
- **Isi 3 : Mengadakan kerjasama rondaan dalam kalangan negara berjiran** – mencegah kemasukan warga asing secara haram – kedudukan Malaysia dengan negara jiran, terutama Indonesia yang kondusif kepada kemasukan pendatang asing tanpa izin (peribahasa: hidup berjiran, ibarat aur dengan tebing)

- **Isi 4 : Komitmen diplomatik yang intim dalam kalangan pemimpin negara –** pertelagahan politik memberikan laluan mudah untuk orang lain mengambil kesempatan (peribahasa: jong pecah yu yang kenyang)

Soalan 5

Kini, remaja lebih gemar membaca bahan bacaan picisan berbanding karya sastera.

Berikan pendapat anda tentang sebab-sebab berlakunya keadaan ini.

Kehendak Tugas :

1. Calon hendaklah memberikan pendapat tentang sebab remaja lebih gemar membaca bahan bacaan picisan berbanding karya sastera..
2. Sekiranya Calon hanya menyatakan bahan bacaan picisan secara umum , karangan dianggap kurang menjawab tugas dan markah maksimum pada peringkat KURANG MEMUASKAN

Cadangan isi

- Karya sastera biasanya bertemakan isu-isu lama dan lapuk – orang ramai tidak gemar dimomokkan dengan kisah-kisah putus cinta, kehancuran rumah tangga, tahyul, dongeng dan sebagainya – masyarakat inginkan pembaharuan dan kelainan – masyarakat terutama remaja lebih gemar kisah-kisah fantasi, moden dan jauh ke hadapan
- Kewujudan sumber- sumber hiburan bercetak dan elektronik yang lain – era sains dan teknologi – pembaca malas untuk membaca karya sastera – lebih tertarik dengan tayangan panggung wayang, televisyen, radio, permainan computer – penyampaian mudah, bergambar dan berwarna-warni – member hiburan dan kepuasan – tidak perlu memahami jalan cerita yang panjang, penggunaan bahasa yang sukar dan terlalu bersifat absurd.
- Pengedaran bahan bacaan picisan yang banyak di pasaran – orang ramai terutama golongan muda lebih berminat dengan cerita-cerita seks, tahyul, misteri, berita sensasi, porno dan pop – bahan bacaan picisan murah dan mudah diperoleh berbanding dengan karya sastera yang kurang dibaca – kisahnya terlalu berat untuk difikirkan – ditambah dengan harga karya sastera yang mahal menjangkau puluhan ringgit senaskah
- Kurang galakan dan pendedahan daripada ibu bapa dan pihak sekolah – ibu bapa sibuk dengan kerja – tidak ada masa untuk membaca karya sastera – ibu bapa menekankan kecemerlangan akademik – rela membeli bahan rujukan daripada membelikan bahan bacaan karya sastera – anggapan ibu bapa penglibatan dalam pembacaan karya sastera tidak penting dan membuang masa berbanding dengan penumpuan bidang sains dan matematik.

PEPERIKSAAN PERCUBAAN BM SPM 2017
PERATURAN PEMARKAHAN KERTAS 2

Soalan 1: Rumusan

Markah penuh 30 markah dibahagi kepada:

- (a) Isi : 20 markah
- (b) Bahasa: 10 markah

(a) **Isi** (20 markah)

Nota:

(i) Panduan mengira perkataan

Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan:

- nama khas
- perkataan berulang/ kata ganda
- penggunaan kata sendi di dan ke
- tarikh
- angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
- gelaran

(ii) Kira dan **tandakan** jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja sebelum diperiksa.

(iii) Periksa setakat **120 patah perkataan** sahaja. Yang selebihnya **tidak perlu diperiksa**.

(iv) Berikan markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.

Bahagian	Jumlah isi										Markah
Pendahuluan											2
Isi tersurat	4	5	6	7	8	9	10	11	12		16
Isi tersirat	12	11	10	9	8	7	6	5	4		
Penutup											2
Jumlah markah											20

(b) **Bahasa** [10 markah]

Asas pemberian markah bahasa tertakluk kepada markah isi seperti yang dinyatakan dalam jadual berikut:

Peringkat	Markah Isi	Markah Bahasa	Huraian
Baik	18-20 15-17	9-10 7-8	-kesinambungan isi baik -struktur ayat/ tatabahasa baik -kosa kata luas -tanda baca /ejaan betul
Sederhana	12-14 8-11	6-7 4-6	-kesinambungan isi masih baik -struktur ayat/ tatabahasa masih memuaskan -kosa kata masih memuaskan -tanda baca/ ejaan juga memuaskan
Lemah	1-7	1-4	-pada keseluruhannya dalam serba kekurangan/ tidak memuaskan

Nota:

(i) Jika bahasanya agak baik, **tambah 1 markah** lagi.

- (ii) Jika bahasanya kurang memuaskan, **tolak 1 markah**.
- (iii) Jika disalin bulat-bulat perkataan demi perkataan, ayat demi ayat, walaupun jumlah perkataan **kurang daripada 120 patah perkataan**, berikan 0 markah.
- (iv) Jika rumusan **kurang daripada 120 patah perkataan**, markah tidak dipotong.

SOALAN 1 : RUMUSAN

PENDAHULUAN

SOALAN 1 : RUMUSAN

Pendahuluan [2 markah]		
P1	Petikan membincangkan faktor-faktor/sebab-sebab kemerosotan nilai kejiiran dalam kalangan masyarakat / di negara kita / di Malaysia.	2
P2	Petikan membincangkan faktor-faktor/sebab-sebab kemerosotan semangat kejiiran dan langkah-langkah/usaha-usaha mengatasi kemerosotan nilai kejiiran.	2
P3	Rumusan ini membincangkan faktor-faktor/sebab-sebab kemerosotan semangat kejiiran dan cara-cara mengatasi kemerosotan nilai kejiiran.	2
P4	Petikan membincangkan faktor-faktor/sebab-sebab kemerosotan nilai kejiiran kita.	1
P5	Petikan membincangkan punca-punca kemerosotan nilai kejiiran kita.	0
Isi Tersurat (4 hingga 12 markah) Punca-punca kemerosotan nilai kejiiran		Markah
S1	Perubahan dalam kehidupan bermasyarakat	2
S2	Kesibukan bekerja dalam kalangan masyarakat	2
S3	Jurang status sosioekonomi masyarakat	2
S4	Sikap mengutamakan perkauman dalam kalangan masyarakat	2
S5	Sikap saling tidak mengenali antara jiran	2
S6	Sikap tidak mempedulikan antara satu sama lain	2
S7	Sikap dengki atau benci-membenci dalam kalangan penduduk setempat	2
S8	Faktor teknologi maklumat dan komunikasi	2
S9	Struktur dan reka bentuk perumahan moden	2
S10	Sikap individualistik dalam kalangan masyarakat	2
Isi Tersirat (4 hingga 12 markah) Cara-cara mengatasi kemerosotan nilai kejiiran		Markah
T1	Pihak yang berkenaan mengadakan program berunsurkan kemasyarakatan dengan lebih banyak	2
T2	Ibu bapa memupuk semangat kejiiran dalam diri anak-anak sejak mereka masih kecil	2
T3	Masyarakat mengetepikan kepentingan sendiri	2
T4	Setiap anggota masyarakat perlu menyertai Skim Rondaan Sukarela (SRS) dan Rukun Tetangga (RT)	2
T5	Kita berusaha untuk menjadi jiran yang baik	2

T6	Kita mengelakkan daripada melakukan perbuatan yang menggores perasaan jiran	2
T7	Masyarakat saling menghormati	2
T8	Masyarakat bersikap toleransi antara satu sama lain	2
Kesimpulan		Markah
K1	Kesimpulannya, punca-punca kemerosotan nilai kejiwaan dalam masyarakat perlu diatasi agar/supaya kehidupan masyarakat menjadi lebih sejahtera.	2
K2	Kesimpulannya, semua pihak perlu berusaha untuk memastikan kemerosotan nilai kejiwaan dapat diatasi demi kesejahteraan masyarakat.	2
K3	Kesimpulannya, semua pihak perlu memupuk nilai kejiwaan agar dapat mewujudkan suasana yang harmoni dan sejahtera dalam kalangan masyarakat.	2
K4	Kesimpulannya, semua pihak harus memastikan kemerosotan nilai kejiwaan dapat diatasi.	1

SOALAN 2 : PEMAHAMAN

Perhatian bagi soalan 2(a) hingga Soalan 2(d)

1. Jawapan hendaklah menggunakan **ayat sendiri**.
2. Jawapan hendaklah dalam ayat yang lengkap/ sempurna.
3. Jika **disalin bulat-bulat** daripada teks dan jawapan itu **betul, berikan separuh(50%)** daripada markah yang diperuntukkan sahaja.
4. **Hanya jawapan dalam skema sahaja yang diterima.**

Panduan Pemarkahan Soalan Pemahaman

Soalan 2 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
Jawapan tepat mengikut konteks/isi cukup dan ayat gramatis	2
Jawapan kurang tepat/isi tidak cukup	1
Jawapan tidak tepat/ salah	0

Soalan 3 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
Isi cukup dan lengkap/ relevan dengan tugas dan ayat gramatis	3
Isi cukup dan lengkap/ relevan tetapi ayat kurang gramatis	2
Isi tidak cukup/ kurang lengkap tetapi ayat gramatis	
Isi kurang lengkap dan ayat kurang gramatis	1

Isi tidak betul/ tidak relevan dengan tugas tetapi ayat gramatis	0
--	---

Soalan 4 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
Isi cukup dan lengkap/ relevan dengan tugas dan ayat gramatis	4
Isi cukup dan lengkap/ relevan tetapi ayat kurang gramatis	3
Isi tidak cukup/ kurang lengkap tetapi ayat gramatis	2
Isi kurang lengkap/ kurang relevan dan ayat kurang gramatis	1
Isi tidak betul/ tidak relevan dengan tugas tetapi ayat gramatis	0

Soalan 2 (a) – Petikan Umum

- (i) Maksud rangkai kata *keakraban terhakis*.

	keakraban	terhakis	M
P1	keeratan	terjejas	2
P2	keteguhan	terhapus	2
P3	kekariban		1
P4	kemesraan		1

[maksimum 2 markah]

- (ii) Beberapa kepentingan semangat kejiranan seperti yang dikemukakan seperti dalam petikan

	JAWAPAN	MARKAH
P1	jiran umpama adik-beradik yang dapat bekerjasama dalam kalangan masyarakat	1
P2	membentuk ukhuwah yang kukuh dan ampuh	1
P3	membentuk semangat kekitaan	1
P4	melahirkan semangat bersatu padu	1
P5	membolehkan semua anggota masyarakat memahami antara satu sama lain	1
P6	orang pertama datang untuk menghulurkan bantuan	1

[maksimum 3 markah]

(Isi cukup : 2)

- (iii) Pada pendapat saya, kesan-kesan sikap tidak menghormati jiran ialah

	JAWAPAN	MARKAH
P1	kita akan dicemuh masyarakat	1

P2	kita tidak mendapat ketenangan hidup	1
P3	kita akan terasing dan terpinggir daripada masyarakat	1
P4	menjejaskan kemajuan dan kesejahteraan negara	1
P5	sukar untuk mendapatkan bantuan apabila ditimpa musibah	1
P6	menjejaskan keharmonian dan keamanan hidup masyarakat	1

2 (b) Petikan Cerpen

(i) Bukti yang menunjukkan Ahmad Mutawakkil

[Maksimum :4 markah]

seorang yang sibuk

	JAWAPAN	MARKAH
P1	jarang-jarang balik ke kampung	1
P2	banyak masanya dihabiskan di bandar	1
P3	menjadi pemimpin nombor dua	1
P4	menguruskan parti di peringkat daerah	1
P5	bertugas sebagai penulis surat khabar	1
P6	bertugas sebagai wartawan	1
P7	kerap mengadakan ceramah	1

(Maksimum : 2 markah] [Isi cukup : 2 isi]

(ii) Pada pandangan saya, seseorang itu dapat menonjolkan kewibawaannya sebagai pemimpin masyarakat melalui :

	JAWAPAN	MARKAH
P1	Kekreatifannya mencipta pembaharuan dalam kehidupan	1
P2	Rasional dalam menghadapi sesuatu masalah	1
P3	Sentiasa mempunyai idea yang bernas	1
P4	Sentiasa berusaha untuk memajukan masyarakat	1
P5	Kemampuannya dalam menyelesaikan masalah dengan cepat dan berkesan	1
P6	Memiliki ilmu pengetahuan yang banyak	1
P7	Sentiasa bersikap mesra rakyat	1
P8	Sentiasa bersikap prihatin terhadap keperluan rakyat	

(Maksimum : 3 markah] [Isi cukup : 2 isi]

(iii) Satu persoalan yang terdapat dalam petikan cerpen ialah :

	JAWAPAN	MARKAH
P1	Persoalan pengorbanan perasaan demi negara Contoh : Ahmad Mutawakkil lebih kerap berada di bandar berbanding dengan berada di kampungnya.	1+1

P2	Persoalan kepentingan semangat patriotisme Contoh : Ahmad Mutawakkil merangsang orang Melayu untuk bersedia bagi mengisi kemerdekaan.	1+1
P3	Persoalan tanggungjawab dalam melaksanakan tugas Contoh : Ahmad Mutawakkil menjalankan tugasnya untuk mengubah pandangan sempit bangsanya.	1+1

Satu persoalan lain daripada keseluruhan cerpen tersebut yang tidak terdapat dalam petikan ialah :

	JAWAPAN	MARKAH
P1	Persoalan keperluan hidup pada zaman penjajah Contoh : Penduduk hidup dalam ketakutan semasa zaman Jepun.	1+1
P2	Persoalan kepentingan ilmu dalam kehidupan Contoh : Ahmad Mutawakkil bekerja dengan pihak Inggeris kerana pandai bertutur, membaca, dan menulis dalam bahasa Inggeris.	1+1
P3	Persoalan kepemimpinan pejuang bangsa Contoh : Ahmad Mutawakkil sering mengingatkan penduduk agar tidak menyokong komunis.	1+1

ISI CUKUP -2

[Persoalan lain yang berkaitan boleh diterima]
(Maksimum : 4 markah)

Soalan 2 (c) – Petikan Prosa Tradisional

Soalan (i)	Jawapan	Markah
Maksud rangkai kata <i>terlalu sukacita hatinya</i>	Perasaannya sangat gembira	2

Soalan (ii)	Jawapan	Markah
Perkara-perkara yang diberitahu oleh Patih Gajah Mada kepada Kertala Sari		
P1	Ayah Kertala Sari telah mati dibunuh oleh Seri Betara	1
P2	Patih Gajah Mada memberitahu Kertala Sari bahawa Kertala Sari akan dilantik sebagai penggawa agung	1

(ISI CUKUP: 2)

(MARKAH MAKSIMUM 3)

Soalan (iii) KBAT (mencipta) Patih Gajah Mada ingin menyempurnakan pesanan tersebut	Jawapan	Markah
P1	Patih Gajah Mada seorang yang bertanggungjawab dan amanah	1
P2	Patih Gajah Mada ingin membela nasib Kertala Sari yang kematian ayahnya	1
P3	Patih Gajah Mada mengambil berat akan keadaan Kertala Sari	1
*mana-mana jawapan yang logik/relevan boleh dipertimbangkan untuk diberi markah		

(ISI CUKUP: 2)

(MARKAH MAKSIMUM: 3)

Soalan 2 (d) – Syair

Soalan (i) Keadaan yang berlaku apabila burung garuda datang menyerang Negeri Kembayat	Jawapan	Markah
P1	Negeri habis rosak binasa	1
P2	Seluruh negeri gempar	1
P3	Semua rakyat bersedih	1
P4	Rakyat melarikan diri ke merata-rata tempat	1

ISI CUKUP – 2

Soalan (ii) Soalan (ii) KBAT (mencipta) Tindakan-tindakan yang patut dilakukan oleh rakyat sebagai tanda menyayangi seorang raja	Jawapan	Markah
--	---------	--------

P1	Sentiasa menghormati raja	1
P2	Sentiasa mendoakan kesejahteraan diri raja	1
P3	Sentiasa menuruti perintah raja	1
P4	Tidak melakukan tindakan yang boleh mencemarkan imej raja	1
*mana-mana jawapan yang logik/relevan boleh dipertimbangkan untuk diberi markah		

ISI CUKUP - 2

Soalan (iii)	Jawapan	Markah
Dua nilai yang terdapat dalam syair di atas		
P1	Kesabaran Setiap insan harus bersabar dalam mengharungi rintangan kehidupan	1+1
P2	Pengorbanan Dalam usaha mencapai kebahagiaan, seseorang perlu berkorban demi orang yang dikasihi	1+1
P3	Keprihatinan Seseorang perlu prihatin dengan kesusahan yang ditanggung oleh orang lain	1+1

ISI CUKUP – 2

MARKAH MAKSIMUM - 4

Soalan 3 (Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa)

Markah penuh iaitu **30** markah dibahagikan kepada :

Soalan 3 (a) : **6** markah

Soalan 3 (b) : **6** markah

Soalan 3 (c) : **6** markah

Soalan 3 (d) : **6** markah

Soalan 3 (e) : **6** markah

Perhatian bagi soalan 3 (a)

1. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul
2. Tolak ½ markah bagi kesalahan ejaan/jalan bahasa/tanda baca daripada keseluruhan soalan

3. Kata yang berkenaan digunakan sebagai peribahasa, berikan 0 markah
4. Kata yang digunakan sebagai nama khas, berikan 0 markah
5. Jika memberikan makna dan tepat maknanya, berikan markah penuh 1 markah
6. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, tolak ½ markah bagi setiap ayat
7. Jika semua frasa digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat
8. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda bacanya
9. Ayat tidak jelas, tolak ½ markah
10. Sengaja menambah atau mengubah imbuhan (jika berkenaan) berikan 0 markah

Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

[30 markah]

Jawab semua soalan.

(a) Tulis **satu** ayat bagi setiap **perkataan** di bawah untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas. [6 markah]

- i. Dilema - keadaan yang menyebabkan sukarnya membuat pilihan antara dua alternatif (benda, orang, situasi, dll) atau lebih; keadaan serba salah
- ii. Delima – sejenis tumbuhan (pokok renek), sejenis permata (berwarna merah muda)
- iii. Bendang – sawah; tanah sawah
- iv. Gendang – alat muzik daripada kayu bulat panjang yg berongga dan direntang dgn kulit
- v. Sarat – terlalu banyak (muatan, bebanan, buah, dll) hingga berat atau penuh, penuh berisi (dgn air, fikiran, harapan, kesusahan, dll), mengandung (hamil, bunting) dan hampir akan bersalin
- vi. Surat – kertas yang ditulis, segala sesuatu yang tertulis (tercetak dll), kertas yang ditulis (mengandung khabar dll) dan dikirim kepada orang lain, sesuatu yang ditulis, tulisan

(b) *Tukarkan ayat aktif di bawah ini kepada ayat pasif tanpa mengubah maksud asalnya.*

- (i) Aksi yang membanggakan dipamerkan oleh Malaysia apabila berjaya mengutip 17 emas dalam kejohanan sukan itu.
- (ii) Hakikat bahawa cuaca memainkan peranan penting dalam hidup kita tidak dapat nafikan.
- (iii) Untuk memastikan jumlah kemalangan berkurangan, kempen keselamatan di jalan raya hendaklah dijalankan oleh pihak berkuasa.

[6 markah]

(c) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat **satu kesalahan ejaan** dan **satu kesalahan penggunaan imbuhan**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

Kesalahan ejaan

Atlit – atlet

Jenarasi – generasi

Konsistan – konsisten

Kesalahan imbuhan

Setaraf – bertaraf

Menyungkil – mencungkil

Berlaku – dilakukan

[6 markah]

(d) Dalam setiap ayat di bawah, terdapat **satu kesalahan penggunaan kata atau istilah** dan **satu kesalahan tatabahasa**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata dan istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- i. melihat – melawat
di – ke
- ii. produser – prosedur
memuaskan hati kepada semua – memuaskan hati semua
- iii. sampel – model
dari – daripada

[6 markah]

(e) *Nyatakan peribahasa yang sama maksud dengan peribahasa yang dikemukakan.*

- (i) Buka pekung di dada.
- (ii) Carik-carik bulu ayam akhirnya bercantum jua.
- (iii) Ke mana tumpah kuah, kalau tidak ke nasi.

Soalan 4 : Novel

(15 markah)

Panduan pemarkahan:

Soalan a.

1. Jawapan berdasarkan **sebuah** novel yang dipelajari.
2. Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap.
3. Beri 1 markah bagi setiap peristiwa menarik yang betul.
4. Beri 1 markah bagi huraian/ccontoh yang lengkap dan jelas.
5. Markah isi maksimum 4 markah.
6. Markah bahasa maksimum 3 markah.
7. Markah bahasa diberikan secara *impression*
Baik - 3 m

Sederhana - 2 m

Lemah - 1 m

8. Jika calon menjawab dan markah isi 0, beri 1 markah untuk bahasa.

Soalan b.

1) Jawapan berdasarkan **dua** buah novel yang dipelajari di tingkatan empat dan tingkatan lima.

2) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap.

3) Beri 1 markah bagi setiap teknik plot.

4) Beri 1 markah bagi setiap huraian/ccontoh yang betul untuk setiap teknik plot.

5) Markah isi maksimum 6 (maksimum 2 markah bagi setiap teknik plot).

6) Markah bahasa maksimum 2.

7) Markah bahasa diberi secara *impression*

Baik : 2 markah

Lemah : 1 markah

8) Jika calon menjawab dan markah isi 0, beri 1 markah untuk bahasa.

9) Calon tidak menjawab 0 markah.

Cadangan Jawapan :

Soalan 4 (a)

Perwatakan watak sampingan :

Novel <i>Silir Daksina</i> karya Nizar Parman	Novel <i>Di Sebalik Dinara</i> karya Dayang Noor
<p>1. Abdullah bin Kayan/ Amirulnizam / Cikgu Zam</p> <ul style="list-style-type: none">- Pencinta sastera dan budaya- Amat menyayangi anaknya Aiman/ Haiqal- Halus jiwanya tetapi kuat dan tabah- Mempunyai keinginan yang kuat dan luar biasa terhadap kebudayaan yang ada di kampungnya.- Bersikap pemalu- Berpengaruh di Kampung Seri Purnama- Mempunyai ketokohan dalam bidang kesusasteraan dan diiktiraf oleh kerajaan negeri- Sangat teliti dalam membuat keputusan- Tidak bersikap tergesa-gesa- Penari zapin <p>2. Ong Swee Hwa / Ai Ling</p> <ul style="list-style-type: none">- Anak kepada Tauke Ong / Tauke Lim	<p>1. Aqram / Akeem</p> <ul style="list-style-type: none">- Adik kandung Karl semasa kecil- Merupakan kanak-kanak cacat dan terencat akal- Merupakan manusia cyborg- Sudah berusia 60 tahun yang telah dicipta semula oleh Karl sehingga kelihatan berusia 30 tahun- Mempunyai sikap belas kasihan apabila merayu kepada Dr. Maxi agar membetulkan ingatan Shida. Aqram juga meminta Alia memadamkan ingatan Karl daripada minda Shida kerana tidak mahu Shida menderita.- Seorang yang bijak menggunakan kesempatan semasa mencuri cawan minuman Farisha ketika Farisha tidur di dalam pesawat untuk memperoleh DNA Farisha.- Seorang yang patuh akan setiap arahan Dr. Maxi apabila dia ditugaskan untuk mengawal Farisha.- Aqram bertanggungjawab terhadap tugas yang diamanahkan oleh Dr. Maxi kepadanya. <p>2. Shida</p>

<ul style="list-style-type: none"> - Memiliki rambut lembut, lurus dan keperang-perangan - Fasih berbahasa Melayu dan tiada kedengaran pelat Cina ketika bercakap - Pandai mendeklamasikan puisi dan pernah memenangi pertandingan deklamasi sajak sewaktu di sekolah rendah - Rajin menyiapkan kerja sekolah - Gadis yang pendiam - Mempunyai perwatakan menarik dan ayu - Suka akan masakan yang pedas-pedas - Bersikap amanah. <p>3. Tauke Ong / Tauke Lim</p> <ul style="list-style-type: none"> - Ayah kepada Ai Ling / Swee Hwa dan Ai Ching - Rajin menorah getah, meraih pisang dan pinang untuk dijual di pecan - Jujur dan baik hati - Tahu membalas budi orang lain - Suka akan seni budaya tarian zapin - Bertanggungjawab terhadap anak-anaknya - Menepati masa - Pandai bergaul dengan masyarakat Melayu <p>4. Ratna</p> <ul style="list-style-type: none"> - Kawan baik kepada Haiqal. - Seorang yang berminat dalam bidang perniagaan – Ratna telah mengambil alih pengurusan gerai makan daripada ibunya. - Seorang yang suka mengusik – selalu mengusik Haiqal yang suka berkhayal. - Seorang pendengar yang setia – sentiasa sudi mendengar masalah yang dihadapi oleh Haiqal. - Seorang yang baik hati – sanggup menghantar Haiqal ke stesen bas semasa Haiqal ingin pulang ke kampung. <p>5. Umi / Ibu Haiqal</p> <ul style="list-style-type: none"> - Seorang usahawan yang berjaya – mempunyai kedai batik di pasar Payang. - Seorang yang penyayang – sangat sayangkan Haiqal sehingga tidak membenarkan ayah kandung Haiqal bertemu dengannya. - Seorang yang pemaarah dan pendenam – dia melarang Haiqal untuk pulang ke kampung ayah kandungnya. 	<ul style="list-style-type: none"> - Kawan baik / serumah dengan Farisha - Seorang yang prihatin kerana sangat mengambil berat akan perkembangan dan kesihatan Farisha. - Shida tekun dalam melaksanakan kerjanya. Hasil ketekunan mengkaji data-data di Soft Lab, dia berjaya menyelongkar rahsia Dinara dan mendapati bahawa nama Medina tidak tercatat dalam senarai kumpulan yang membangunkan Dinara walaupun projek itu usaha Medina bersama Karl. - Shida baik hati kerana sanggup menghantar Farisha ke stesen monorel apabila Farisha meminta bantuan daripadanya. <p>3. Dr. Maxi</p> <ul style="list-style-type: none"> - Penyelidik yang mengetuai projek untuk membangunkan Sistem Dinara di Soft Lab. - Tegas, kejam dan bijak. <p>4. Rosman</p> <ul style="list-style-type: none"> - Rakan sekerja Farisha di Syarikat Secured Shell Sdn. Bhd serta mengendalikan kerja syarikat di Senawang. - Menepati janji, bersikap terburu-buru dan bijak. <p>5. Karl</p> <ul style="list-style-type: none"> - Ayah Farisha, abang Aqram, suami Alia dan kekasih Medina. Dia pernah memenangi Anugerah Inovasi peringkat Kebangsaan. Karl menghadapi penyakit kanser dan berumur dalam lingkungan 60 tahun. - Bijak, kejam dan bersikap individualistic. <p>6. Azraai</p> <ul style="list-style-type: none"> - Abang angkat Farisha yang mengalami masalah jantung. - Penyayang, bertanggungjawab dan berani. <p>7. Alia</p> <ul style="list-style-type: none"> - Nama asalnya ialah Rusmina iaitu isteri Karl dan kakak ipar Aqram serta diubah menjadi manusia cyborg oleh Karl. - Cemburu dan kejam <p>8. Medina / Marilyn / Mummy</p> <ul style="list-style-type: none"> - Ibu Farisha dan kekasih Karl - Pendendam tetapi penyayang
---	--

Soalan 4 (b)

Latar Masyarakat :

Novel <i>Silir Daksina</i> karya Nizar Parman	Novel <i>Di Sebalik Dinara</i> karya Dayang Noor
<ol style="list-style-type: none">1. Masyarakat peniaga – Tauke Lim menjalankan perniagaan dengan meraih pisang dan pinang di kampung lalu menjualnya di pekan.2. Masyarakat yang cinta akan sastera dan seni budaya bangsa – Pak Cik Bakar, Haji Salim dan Cikgu Zam melibatkan diri dalam seni tarian zapin bagi memperkasakan seni warisan Melayu.3. Masyarakat yang berpendidikan – See Hwa belajar di kolej manakala Haiqal belajar di tingkatan enam. Haiqal juga meninggalkan kampung Seri Purnama lalu sambung belajar di menara gading.4. Masyarakat yang berbilang kaum – Pak Cik Bakar, Wak Min, Haji Salim, Tauke Lim dan See Hwa tinggal di Kampung Seri Purnama.5. Masyarakat penyayang – Contohnya Cikgu Zam amat menyayangi dan merindui anaknya Haiqal yang tinggal berjauhan setelah bercerai dengan isterinya. Cikgu Zam meluahkan perasaan sayang akan anaknya pada manuskrip.	<ol style="list-style-type: none">1. Latar masyarakat yang mementingkan kasih sayang dalam keluarga. Azraai dan Farisha saling menyayangi. Dua beradik ini saling mengambil berat dan risau akan keselamatan antara satu sama lain. Azraai kerap menelefon adiknya dan memasang interkom yang bersambung antara apartment Farisha dengan rumah Azraai.2. Masyarakat yang mementingkan diri sendiri. Wanita di lapangan terbang yang bercakap di telefon dengan suara yang kuat. Dia tidak peduli orang yang ada di sekelilingnya sehingga membuat Farisha berasa jengkel.3. Masyarakat yang suka bersaing untuk menunjukkan kehebatan diri. Marilyn @ Medina dan Karl saling bersaing untuk menunjukkan kehebatan masing-masing dalam dunia penyelidikan sains. Karl tidak dapat menerima kenyataan yang Marilyn lebih hebat daripadanya. Karl telah mensabotaj Marilyn sehingga dia hampir menjadi gila.4. Masyarakat yang celik ICT. Farisha, Mariyln@Medina dan Karl merupakan antara contoh masyarakat yang sangat hebat dalam dunia ICT. Mereka mampu mencipta program baharu dan mampu juga menggodam komputer. Azraai juga seorang yang pakar dalam ICT dan mengaplikasikannya di rumahnya dan apartment Farisha.5. Masyarakat yang memegang amanah dan janji. Dr. Maxi, Aqram dan Khairul Anwar teguh memegang amanah Karl untuk mencari Farisha sehingga berjumpa. Mereka juga menjaga Farisha dengan baik kerana menunaikan amanah Karl. Hal ini demikian kerana, Farisha sangat penting untuk menyelamatkan Dinara.6. Masyarakat yang bijak. Farisha ialah seorang gadis yang sangat bijak. Walaupun baru sahaja mendengar penerangan ringkas tentang Dinara daripada Aqram, dia telah dapat mengesan kelemahan Dinara. Walaupun belum memulakan penggodaman, Farisha telah nampak banyak kelemahan Dinara. Oleh kerana kebijaksanaannya itulah, dia diperlukan untuk menyelamatkan Dinara.